

Chapter in Book

Konsistensi Menulis Menerusi Kata Kata Hikmah dan Teori Akademik Melalui Poster Interaktif

Siti Suriani Othman^{1,*}

¹ Communication Program, Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia; ssuriani3979@gmail.com/suriani@usim.edu.my

* Correspondence: ssuriani@usim.edu.my; 016-3037242

Abstrak: Dalam komuniti penulis, ramai yang berupaya menulis pelbagai genre setelah meneliti dan mempelajari kemahiran menghasilkan genre tersebut. Namun, cabaran besar dalam kalangan penulis adalah memastikan konsistensi menulis. Ini kerana, tidak semua penulis adalah penulis sepenuh masa. Ramai dalam kalangan penulis yang juga mempunyai pekerjaan hakiki yang lain. Maka, membantu penulis untuk menghasilkan penulisan secara konsisten adalah sangat penting. Projek ini mengemukakan poster interaktif yang menggunakan kekuatan kata-kata hikmah dan teori akademik daripada bidang psikologi sebagai alat utama untuk memotivasi penulis untuk kekal konsisten dalam menghasilkan penulisan. Poster ini berbentuk digital, boleh dicetak oleh penulis dan mempunyai penerangan terhadap beberapa aspek melalui audio dengan scan QR code. Poster ini boleh dijual dalam bentuk digital dengan harga yang murah, dan berpotensi mencapai ramai penulis dan dimanfaatkan.

Kata kunci: konsistensi menulis; poster interaktif; kata kata hikmah; teori akademik.



Copyright: © 2022 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Dalam komuniti penulis kreatif dan sastra, tidak dinafikan begitu ramai penulis yang berupaya menghasilkan karya yang bermutu tinggi, atau setidaknya-tidaknya berjaya menerbitkan karya dalam bentuk buku atau dalam pelbagai platform media. Tambahan lagi, karya karya berbentuk sajak, puisi, dan pelbagai genre penulisan yang lain kini mendapat ruang penerbitan yang cukup luas menerusi penerbitan buku swa terbit. Ini memberi motivasi tinggi terhadap penulis untuk menulis, menambah baik kemahiran dan menerbit dengan kuantiti yang lebih banyak.

Namun, konsistensi menulis telah menjadi isu yang tidak dapat ditidakkan oleh mana-mana penulis. Ramai yang berupaya menulis malah menerbitkan hasil karya, tetapi tidak konsisten dalam penghasilan dan penerbitannya (Nina Amir, 2020). Ini adalah kerana kekangan masa terutamanya bagi kalangan penulis yang menulis sebagai hobi atau menulis bukan sebagai pekerjaan tetap.

Dengan itu, banyak bengkel atau pelbagai bentuk pendedahan dianjurkan untuk membantu penulis meningkatkan konsistensi menulis. Persatuan persatuan penulis juga giat menjalankan pelbagai aktiviti dari segi peningkatan kemahiran, membuka peluang penerbitan serta meningkatkan konsistensi menulis dalam pelbagai genre. Namun, kekangan utama yang disebutkan tadi masih menjadi cabaran utama penulis, malah ada yang menjadi hilang motivasi menulis kerana kesibukan dengan tugas hakiki dan cabaran-cabaran jangka pendek yang perlu diselesaikan dalam tempoh tempoh tertentu.

Maka, projek inovasi ini menyarankan Model Konsistensi Menulis yang merangkumi kata-kata hikmah dan teori akademik dari bidang psikologi yang dijelmakan dalam bentuk poster interaktif sebagai panduan dan alat motivasi kepada penulis untuk kekal konsisten dalam penulisan. Poster ini mempunyai QR code bagi beberapa ruang yang memerlukan penjelasan dan audio penejelasan tersebut boleh didengari oleh penulis saat kekurangan motivasi untuk kekal konsisten.




2. PENERANGAN PRODUK



Rajah 1. Poster Penerangan Produk.

Rajah 1 adalah poster yang dihasilkan untuk projek ini. Di sebelah kanan poster tertera lima kotak putih yang mengandungi lima elemen penting dalam membantu konsistensi menulis iaitu 1) motivasi, 2) minat, 3) kemahiran menulis, 4) perbuatan menghasilkan sesuatu penulisan dan 5) ganjaran kepada diri dan masyarakat. Bagi aspek motivasi, *self-motivation theory* sebagai teori akademik dalam bidang psikologi digunakan dan diterangkan dengan audio menerusi QR code yang disediakan. Minat, Kemahiran Menulis dan Perbuatan Menulis ditekankan dengan menggunakan kata-kata hikmah dan Ganjaran kepada Diri dan Masyarakat dijelaskan menerusi *Adlerian Theory* yang juga dikongsikan menerusi audio QR code.

Jadual 1. Elemen Konsistensi Menulis.

Elemen Konsistensi Menulis	Kata-kata hikmah atau Teori Akademik
MOTIVASI	<i>Self-Motivation Theory</i>
MINAT	
KEMAHIRAN MENULIS	
PERBUATAN MENULIS	
GANJARAN KEPADA DIRI DAN MASYARAKAT	Adlerian Theory




Self motivation theory dipilih sebagai asas kepada motivasi diri penulis kerana kekuatan teori yang menggabungkan tiga premis yang membentuk motivasi dalam diri seseorang. Autonomi, Kompetensi dan Keterhubungan (relatedness) adalah tiga premis yang membantu seseorang untuk kekal bermotivasi (Cherry, 2022). Jika diambil dari sudut pandang penulis, penulis yang bermotivasi merasakan dirinya berautonomi melakukan sesuatu (iaitu menghasilkan penulisan) dan kompeten dalam menghasilkan karya. Kedua dua unsur ini membantu mereka meningkatkan motivasi dan konsistensi menulis. Selain itu, penerbitan yang konsisten membantu penulis lebih dikenali (keterhubungan) oleh pembaca dan dalam kalangan komuniti penulis sendiri. Ketiga-tiga elemen dalam teori ini amat membantu menulis untuk kekal bermotivasi dalam menghasilkan dan menerbitkan karya.

Adlerian Theory pula adalah teori akademik dalam bidang psikologi yang amat berguna untuk diaplikasikan dalam konteks penulisan. Ini kerana, teori ini antara lain, menekankan faedah atau manfaat sesuatu perbuatan terhadap diri sendiri dan masyarakat (Cherry, 2021). Ini jika difikirkan dan diteliti, adalah elemen yang sangat penting dan memotivasikan penulis. Penulis yang baik adalah yang

menulis untuk dirinya dan masyarakat. Penulis itu juga sedar betapa pentingnya perkongsian yang diberikan kepada masyarakat, dan inilah antara kekuatannya untuk kekal konsisten menulis.

Di sebelah kiri poster pula adalah enam alat yang disarankan untuk dioptimumkan penggunaannya oleh para penulis untuk meningkatkan konsistensi menulis. Alat-alat tersebut adalah 1) Banyak membaca untuk idea dan garapan penulisan, 2) Mempunyai matlamat menulis yang jelas, 3) Mempunyai jadual menulis dengan deadline, 4) Pengurusan masa menerusi Teknik Pomodoro, 5) Menulis setiap hari dan 6) Memastikan tempat dan waktu yang sesuai untuk menulis.

Jadual 2. Alat/Kaedah Untuk Membantu Konsistensi Menulis.

Alat/Kaedah Untuk Membantu Konsistensi Menulis	Kata Kata Hikmah
BANYAK MEMBACA (UNTUK IDEA DAN GARAPAN PENULISAN)	<p>A. Samad Said, "Baca, baca, baca, baca dan tulis".</p> <p>"Read a thousand books, and your words will flow like a river."</p> <p>— Lisa See</p>
MEMPUNYAI MATLAMAT PENULISAN YANG JELAS	
MEMPUNYAI JADUAL MENULIS DENGAN DEADLINE	
PENGURUSAN MASA (TEKNIK POMODORO)	
MENULIS SETIAP HARI	<p>"You don't start out writing good stuff. You start out writing crap and thinking it's good stuff, and then gradually you get better at it."</p>

	<p>That’s why I say one of the most valuable traits is persistence.”</p> <p>— Octavia E. Butler</p>
SEDIAKAN TEMPAT DAN WAKTU MENULIS YANG SESUAI	Hal ini tidak dijelaskan dalam poster kerana aspek ini ketara dan difahami penulis (Lihat Heimbigner, 2022).

Teknik Pomodoro adalah alat yang menggalakkan kita bekerja dengan jumlah masa yang ada, berbanding merasakan kita tiada masa. Dengan kaedah ini, tempoh 25 minit dipisahkan khas untuk bekerja diikuti dengan 5 minit rehat. Kitaran ini boleh dilakukan sebanyak 2 hingga 4 kali dalam satu sesi. Selepas empat sesi pomodoro, rehat yang panjang selama 15 atau 20 minit, atau mungkin sesi berikutnya dijalankan pada waktu yang lain pula (Siti Suriani Othman, 2022).

Kesemua alat ini diselitkan dengan kata-kata hikmah untuk membantu memotivasikan penulis ketika membaca poster untuk kekal menulis. Penerangan tentang Teknik Pomodoro dikongsikan dalam bentuk QR *code* dan dijelaskan dalam bentuk audio.

Kesemua elemen yang dimasukkan dalam poster ini dimasukkan berdasarkan pengalaman sebagai penulis serta bengkel bengkel yang dijalankan sebagai seorang penulis yang juga melatih penulis kemahiran menulis. Komunikasi dengan penulis penulis lain digunakan sebagai asas bagi pemilihan elemen dalam poster ini.

3. KESIMPULAN

Projek ini adalah projek rintis untuk membantu penulis menulis dengan konsisten menerusi poster interaktif dengan kombinasi kata-kata hikmah dan teori akademik. Buat masa ini, poster ini belum dikomersialkan dan akan dijalankan pilot test terhadap golongan penulis untuk melihat sejauh mana keberkesannya. Setelah itu, produk akan dikembangkan pada masa hadapan dari segi 1) dijual dalam bentuk digital dan bercetak kepada penulis dan persatuan penulis, 2) audio yang boleh diakses menerusi QR code ditingkatkan kepada penerangan dalam bentuk augmented reality.

Rujukan

- Cherry, K. (2022). *What is Self-Determination Theory? How self-determination influences motivation*. Verywellmind. <https://www.verywellmind.com/what-is-self-determination-theory-2795387>
- Cherry, K. (2021). *What is Adlerian Theory? A theory that suggests people need to feel a sense of belonging*. Verywellmind. <https://www.verywellmind.com/alderian-theory-definition-techniques-and-efficacy-5213796>
- Heimbigner, J. R., (2022). *The secret to writing consistently. The freedom to write*. <https://medium.com/the-freedom-to-write/the-secret-to-writing-consistently-46106a6b07c4#:~:text=The%20key%20is%20to%20writing%20consistently%20is%20to,do%20so.%20But%20C%20how%20do%20we%20get%20started%3F>
- Nina Amir, (2020). *How to increase your writing performance and consistency*. Readers’ Digest. <https://www.writersdigest.com/be-inspired/how-to-increase-your-writing-performance-and-consistency>
- Siti Suriani Othman (2022). *Teknik Pomodoro: Sains pengurusan masa untuk penulis*. <https://www.majalahsains.com/teknik-pomodoro-sains-pengurusan-masa-untuk-penulis/>